



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 10/(8)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

16 Jun 2025
19 Zulhijjah 1446H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk Seri LSr/Datuk LSr/Dato' Indera LSr/Dato' LSr/Tuan LSr/Puan LSr,

PEMAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA SISTEM eLJT BAGI TUJUAN NAIKTARAF SISTEM DENGAN PERLAKSANAAN e-INVOIS

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bagi menyokong saranan Kerajaan Malaysia dalam meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran cukai di Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah melaksanakan e-Invois secara berperingkat. Selaras dengan itu, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) akan melaksanakan e-Invois mulai 1 Julai 2025 dan kerja-kerja naiktaraf sistem eLJT akan dijalankan pada 30 Jun 2025 bagi memastikan pelaksanaan e-Invois di LJT berjalan lancar.

3. Oleh yang demikian, sistem eLJT akan ditutup dan tidak boleh diakses mulai jam **12:00 tengah malam (12.00 a.m)** hingga **11:59 malam (11.59 p.m)** pada **30 Jun 2025 (Isrin)**. Sistem eLJT hanya boleh diakses semula mulai jam **12.00 tengah malam (12.00 a.m)** pada **1 Julai 2025 (Selasa)**.

4. Susulan dengan penutupan sistem eLJT ini, LJT hanya akan memproses pendaftaran borang-borang LJT800, LJT800A, LJT810, LJT802, LJT804, LJT806, LJT700, LJT700A, LJT710, LJT702, LJT704, dan LJT706 menggunakan format lama tanpa e-Invois yang diterima sebelum **11.59 pm pada 29 Jun 2025 (Ahad)** sahaja.

5. Untuk makluman, borang-borang tersebut yang masih berstatus '**Data Entry**' akan bertukar status secara automatik kepada '**Rejected**' mulai **12.00 tengah malam (12.00 a.m)** pada **1 Julai 2025 (Selasa)**. Sekiranya JTB hendak membuat pendaftaran kerja bagi

borang-borang yang berstatus ‘**Rejected**’, mereka perlu mengisi borang baharu dalam persekitaran e-invois.

6. Selain itu juga, sekiranya terdapat borang LJT 700/710/800/810 yang mana deposit fi ukur dijelaskan/ditunaikan oleh bank selepas **11.59 pm pada 30 Jun 2025 (Isnin)**, maka urusan transaksi bayaran dan tuntutan adalah tertakluk kepada pelaksanaan e-Invois.

7. Kerjasama dan perhatian pihak Datuk Seri LSr/Datuk LSr/Dato’ Indera LSr/Dato’ LSr/Tuan LSr/Puan LSr berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

‘MALAYSIA MADANI’

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)

Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k.

YBhg. Dato’ LSr Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

- Untuk makluman YBhg. Dato’ LSr Pengerusi